

PERSONALITI

Enggan lepaskan peluang keemasan

Oleh Rosniza
Mohd Taha
roniza@bh.com.my
Kuala Lumpur

Terpilih menyertai projek penyelidikan mengenai penyakit jantung di Harvard Medical School (HMS), Boston, Amerika Syarikat (AS) bakal memberi seribu satu pengalaman berharga kepada pelajar Universiti UCSI (UCSI), Cherish Chong Chiu Wern.

Cherish, pelajar tahun tiga Ijazah Sarjana Muda Doktor Perubatan menangguhkan pengajian di UCSI selama setahun bermula bulan lalu (November) untuk menimba pengalaman melaksanakan kajian bersama-sama penyelidik antarabangsa.

Beliau berkata, penyelidikan dijalankan menerusi bimbingan Profesor Perubatan HMS, Prof Gordon H Williams, menumpukan kepada mekanisme hormon dan kaitannya dengan penyakit jantung.

"Saya dimaklumkan bahawa HMS akan memberi saya peluang menjalankan aktiviti penyelidikan klinikal termasuk aspek penyediaan laporan serta pembentangan hasil kajian.

"Peluang keemasan ini memberi pendedahan awal dalam bidang penyelidikan perubatan walau pun saya masih dalam peringkat pengajian prasiswazah dan tidak sedikit pun membulkan kekesalan walaupun terpaksa bergraduasi setahun lebih lambat berbanding rakan lain," katanya.

Cherish Chong berkata, beliau terpilih mengikuti program itu setelah menjalani sesi temu duga selama kira-kira 15 minit sahaja menerusi sidang video Skype dengan Prof Williams.

Bidang hematologi
Katanya, soalan dikemukakan kepadanya dan dua lagi pelajar UCSI yang

tercalon bagi mengikuti program itu lebih terarah kepada mengenal pasti sejauh mana minat dan visi mereka dalam bidang perubatan.

Beliau berkata, kesempatan itu diambil bagi menyatakan kecenderungan tinggi dalam bidang hematologi iaitu cabang ilmu berkaitan darah serta hasratnya mempelajari kemajuan teknologi perubatan luar negara untuk dimanfaatkan dalam sektor perubatan di tanah air.

"Suasana temu bual berlangsung secara santai, malah tidak banyak soalan berkaitan ilmu perubatan. Prof Williams lebih banyak



bertanya soal larat belakang keluarga, perancangan kami dalam bidang profesional ini," katanya.

rubatan untuk tempoh 10 tahun akan datang serta sejauh mana minat kami dalam bidang profesional ini," katanya.

Cherish Chong turut merakamkan penghargaan kepada UCSI yang menjaya sepenuhnya kos sara hidup dan yuran penyelidikan makmal dikenakan bagi mengikuti program itu dan berharap dapat menyuntik minat pelajar UCSI dalam bidang penyelidikan apabila pulang ke tanah air pada akhir tahun depan.

PROFIL**Cherish Chong Chiu Wern**

Pendidikan: Ijazah Sarjana Muda Doktor Perubatan UCSI

Pencapaian: Menyertai Projek Penyelidikan Penyakit Jantung di HMS, Boston.

